

HARI SELASA, 9 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1131-L776
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kenapa Kerajaan tidak melakukan kawalan terhadap rakyat asing seperti dari Singapura dan Thailand yang membeli minyak di negara ini contohnya di Johor dan Perlis dengan harga subsidi, sedangkan harga subsidi minyak di stesen minyak adalah untuk rakyat tempatan.
2. PN-1131-L748
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kaunter di Jabatan Kerajaan yang masih ditakuk lama walaupun YAB Perdana Menteri berulang kali mengingatkan di mana pelanggan masih perlu menunggu dan melalui karenah birokrasi seperti di kaunter Majlis Tempatan, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Imigresen.
3. PN-1131-L127
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan misi dan visi projek angkasa awan negara ke angkasa lepas.
4. PN-1131-L502
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah kecemasan yang telah disediakan oleh operator LRT jika berlakunya banjir atau kebakaran.
5. PN-1131-L283
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkembangan lanjut mengenai Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang diluluskan oleh Parlimen tahun lalu. Mengapakah semakin banyak pusat bertauliah yang mengendalikan program Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) yang gulung tikar walaupun PTPK sudah setahun diluluskan.

6. PN-1131-L539
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan faktor-faktor Kerajaan membatalkan pembinaan jambatan 'bengkok' di Selat Tebrau yang menghubungkan antara negeri Johor dengan Singapura.
7. PN-1131-L468
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kriteria-kriteria yang menyebabkan berlakunya lonjakan yang mendadak terhadap harga getah asli di pasaran dan berapa lamakah kestabilan harga ini boleh dijamin serta apakah cadangan Kementerian untuk meluaskan lagi penanaman getah di negara ini.
8. PN-1131-L617
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dengan kenaikan taraf hidup, adakah Kementerian mengkaji kebajikan rakyat dengan memberi wang yang lebih kepada golongan miskin yang berada di dalam program kebajikan.
9. PN-1131-L712
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi harga buku-buku yang mahal hingga mengakibatkan para pelajar di IPT lebih gemar membuat salinan fotostat daripada membeli buku. Akibatnya para penerbit dan pengarang mengalami kerugian dan menyebabkan kurangnya minat penulis untuk menulis buku-buku bercorak ilmiah disebabkan royalti yang rendah ini.
10. PN-1131-L224
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapakah pusat-pusat hiburan yang telah diserbu berulang kali dibiarkan beroperasi walaupun telah melanggar peraturan dan lesen ditarik balik. Apakah Pihak Berkuasa Tempatan tidak cekap menangani masalah ini sehingga terpaksa didedah oleh pihak media dan mengakibatkan penutupan pusat-pusat hiburan ini.
11. PN-1131-L747
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan sasaran untuk mendekatkan jurang perbezaan pendapatan antara bandar dan luar bandar. RMK-9 mensasarkan yang nisbah perbezaan pendapatan akan menurun dari yang ada sekarang, iaitu 1:2:11 kepada 1;2, iaitu satu perubahan yang amat kecil. Ini menampakkan yang Kerajaan kurang yakin yang segala program bertujuan membangunkan sektor luar bandar tidak mencukupi. Apakah tindakan lain yang akan diambil bagi meningkatkan keyakinan dan kejayaan yang lebih bermakna.

12. PN-1131-L305
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa ramaikah penjual dan pembekal yang telah diambil tindakan terhadap kenaikan harga barangan selepas tarikh kenaikan harga minyak dan gas pada tahun ini.
13. PN-1131-L806
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh syarikat penerbangan MAS di dalam menentukan tiket-tiket yang ditempah serta disimpan untuk agen tertentu ataupun yang terikat kepada perjanjian "Code Sharing" yang kemudiannya tidak terjual. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian.
14. PN-1131-L798
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
 - (a) apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan peningkatan kualiti hidup di kalangan wanita khususnya di kawasan luar bandar negeri Sabah; dan
 - (b) adakah penekanan khusus yang diberikan kepada ibu tunggal melalui pembentukan pelan tindakan strategi yang akan menggariskan program pendidikan dan latihan serta pendekatan bagi memudahkan penglibatan ibu tunggal dalam aktiviti yang menjana pendapatan.
15. PN-1131-L199
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah isteri warganegara asing di Malaysia dan berapakah jumlah isteri warganegara asing yang berasal dari Negara China, Taiwan dan Hong Kong.
16. PN-1131-L240
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rakyat yang diklasifikasikan miskin tegar di bandar dan luar bandar bagi negeri Kelantan dan apakah rancangan ekonomi untuk membasmi kemiskinan ini.
17. PN-1131-L438
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pembinaan sambungan jalan yang melibatkan North Link sepanjang 400 meter, iaitu Kesas Highway Missing Link ke Petaling Jaya, jalan di antara Taman Sri Manja dan Taman Kinrara dalam RMK-9 dan kos pembinaannya, apakah status terkini serta jangka masa diperlukan bagi jarak jalan 400 meter itu sejak ia dimulakan.

18. PN-1131-L519
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dengan wujudnya LCCT maka orang ramai tidak lagi dapat menikmati keindahan KLIA dan tidak lagi dapat berkongsi prasarana yang canggih di KLIA.
19. PN-1131-L369
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk menyerapkan belia yang tercicir dari alam pendidikan ke dalam program yang dirangka (jika ada) oleh Kementerian.
20. PN-1131-L668
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan terhadap sosio-ekonomi dan pembangunan negeri Johor akibat daripada pembatalan projek jambatan yang sepatutnya dibina bagi menggantikan Tambak Johor.
21. PN-1131-L567
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah sehingga kini Kementerian masih belum mewajibkan program menabung di kalangan pelajar yang diuruskan secara terancang dan bukan sekadar mengharap usaha yang dilakukan oleh pihak institusi kewangan sahaja. Ini kerana satu daripada unsur membina sahsiah dan membela masa depan murid adalah dengan menerapkan amalan berjimat cermat dan menyimpan untuk masa depan.
22. PN-1131-L766
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan atau usaha-usaha yang telah diambil oleh Malaysia dalam proses damai di Asia Timur.
23. PN-1131-L243
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan kenapakah stesen TV Swasta seperti TV3, ASTRO dan NTV7 kurang mengadakan program yang berunsur patriotik dan perpaduan antara kaum yang selama ini hanya ditonjolkan oleh RTM 1 & 2. Dari kajian yang dilakukan rata-rata rakyat Malaysia lebih gemar menonton TV3 dan ASTRO. Bagaimanakah pihak Kementerian memastikan bahawa stesen TV swasta akur kepada agenda Kerajaan untuk menyampaikan mesej perpaduan antara kaum dan cintakan negara tanpa mengabaikan tanggungjawab sosial.

24. PN-1131-L583
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah rancangan Kementerian dan bilakah negara kita akan menjadi negara yang mengeksport ikan air tawar seperti ikan Talapia cara FILLET memandangkan permintaan dari negara Jepun adalah agak tinggi dan kita masih tidak dapat membekal hasil ini.
25. PN-1131-L464
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan kakitangan keturunan India dalam sektor awam dan nyatakan bilangan mengikut bidang pekerjaan.
26. PN-1131-L646
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan dasar perlantikan pegawai-pegawai kanan tentera yang telah bersara sebagai Ahli-ahli Lembaga Pengarah di dalam syarikat-syarikat dan institusi-institusi yang mempunyai kaitan dengan Kerajaan, khususnya Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Government Linked Companies (GLCs).
27. PN-1131-L792
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) usaha-usaha yang telah dilakukan untuk membendung kebanjiran filem-filem luar negeri yang sekarang ini banyak menyelitkan unsur-unsur lucu, tayangan klip video bersifat porno dan filem aksi ganas yang disiarkan di RTM dan stesen penyiaran swasta; dan
 - (b) setakat mana tindakan Lembaga Penapisan Filem (LPF) dalam melakukan pemantauan ke atas filem-filem yang ditayangkan di negara ini bagi menjamin ianya tidak bertentangan dengan nilai moral dan budaya penduduk tempatan.
28. PN-1131-L197
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah aduan yang diterima oleh Kementerian dan Tourism Malaysia daripada pelancong asing dan tempatan, agensi pelancongan dan sebagainya sejak tahun 2000.
29. PN-1131-L329
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil siasatan ke atas kerugian yang dialami oleh Bank Islam Malaysia.

30. PN-1131-L673
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkaitan Government Service Tax (GST) yang telah ditunda pelaksanaannya ke tahun 2008, apakah faedah yang sebenar untuk rakyat juga warga kerja kontraktor keseluruhannya. Apakah ianya akan menjadi bebanan tambahan pada rakyat dan adakah pihak Kerajaan mampu menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang disebut di atas secara percuma sekiranya GST diteruskan dan adakah para pelancong dikecualikan daripada GST ini.
31. PN-1131-L265
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes rogol terhadap kanak-kanak bawah umur pada tahun 2004 dan 2005. Berapa peratuskah kes yang berpunca daripada perbuatan ayah kandung dan pecahannya mengikut kaum.
32. PN-1131-L722
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah pelan tindakan dan program yang akan diambil untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan merangka kurikulum di sekolah yang menjurus kepada pembentukan minda yang positif dan perangsang kreativiti . Sistem menjawab soalan secara subjektif tidak menggalak pemikiran yang analatikal. Adakah Kementerian merancang untuk menekankan sistem pembelajaran yang memberi tekanan terhadap pembentukan minda berfikir bukannya menghafal.
33. PN-1131-L170
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jenis produk yang telah atau akan dihasilkan bagi tujuan eksport dalam program "Satu Kampung Satu Industri".
34. PN-1131-L350
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan dari segi perundangan yang boleh dikenakan terhadap para peniaga yang tidak mematuhi arahan Kerajaan supaya tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan yang dikawal dan sama ada tindakan tersebut adalah memadai bagi mencegah para peniaga dari meneruskan kegiatan mereka itu.
35. PN-1131-L428
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah dan usaha Kementerian menyediakan dengan secukupnya guru-guru terlatih yang bakal mengajar bahasa Cina dan Inggeris di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

36. PN-1131-L641
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pengusaha mengikut kaum dan negeri yang terlibat dalam perniagaan sarang burung layang-layang (Bird Nest) dan anggaran nilai permintaan pasaran dalam dan luar negara serta undang-undang pelaksanaan dan penguatkuasaan mengenainya.
37. PN-1131-L364
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anggota dan gred perjawatan dalam pasukan "Senoi Praq" serta apakah rancangan untuk memantapkan fungsinya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** akan mencadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesebelas.”

2. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

3. (D.R. 7/2005) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan**
Tambahan (2005) 2006. **Kali Yang**
Kedua

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.109	Laporan Tahunan Lembaga Elektrik Sabah Bagi Tahun 2004.	9 Mei 2006
ST.111	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	9 Mei 2006
CMD.5	Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakaunan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia (Kementerian Pengajian Tinggi)	9 Mei 2006